

**Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/2/Jld12 (33)**

## **KENYATAAN AKHBAR**

### **PROGRAM MESRA RAKYAT**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dengan kerjasama DUN Taman Medan telah mengadakan Program Mesra Rakyat MBPJ DUN Taman Medan.

Program ini merupakan saranan Kerajaan Negeri untuk menjalinkan kerjasama dan hubungan dua hala di antara pemimpin masyarakat, agensi berkaitan dan penduduk setempat dengan pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Ia juga merupakan salah satu tanggungjawab dan sumbangan khidmat sosial pihak majlis kepada komuniti setempat. pelbagai program yang dianjurkan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Antaranya program pembangunan miskin bandar, program bandar selamat, program pemasangan lampu LED di lorong belakang dan banyak lagi.

Inisiatif terbaru MBPJ adalah memberi perkhidmatan bas percuma kepada penduduk Petaling Jaya dengan menyediakan 10 buah bas dengan kerjasama Rapid Bus Sdn Bhd.

Waktu perkhidmatannya bermula jam 6.00 pagi sehingga 9.00 malam. laluan perkhidmatan bas percuma ini meliputi laluan sejauh 28 kilometer bermula di hab bas di jalan pjs 3/2, jalan klang lama, jalan templer, jalan othman, jalan yong shook lin sekitar pusat bandar seksyen 52, jalan penchala, jalan semangat, jalan universiti dan jalan gasing.

Penglibatan dalam program pada hari ini dapat memupuk semangat kepimpinan dan kerjasama di antara penduduk selain membendung masalah gejala sosial.

Pelbagai aktiviti telah diadakan bagi memeriahkan acara program antaranya gotong-royong, pertandingan tarik tali, bola jaring, street soccer, pertandingan mewarna bagi kanak-kanak, sukaneka, futsal, sepakraga ratus, dan bowling kelapa.

Pihak majlis berharap agar perpaduan dan penglibatan semua pihak dapat diteruskan pada masa-masa akan datang.

Tarikh: 16 Mei 2014

Disediakan oleh,

**Sekretariat Media  
Unit Perhubungan Awam,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),  
emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

**Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi: Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, [zainun@mbpj.gov.my](mailto:zainun@mbpj.gov.my) atau Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-2046035, [ahmadiskandar@mbpj.gov.my](mailto:ahmadiskandar@mbpj.gov.my)**